



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK (JPKK)

PUTRAJAYA, 6 Ogos – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat hari ini telah menyempurnakan Majlis Perasmian Jabatan Pembangunan Kanak-kanak (JPKK) di Putrajaya.

JPKK telah ditubuhkan berkuat kuasa 1 September 2023 bagi menggantikan Bahagian Kanak-Kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Penubuhan JPKK adalah selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan Bajet 2023 pada 24 Februari 2023 bagi menangani isu keselamatan dan kebajikan kanak-kanak di samping menyediakan perkhidmatan berkualiti berlandaskan kepada aspek pencegahan, pembangunan, perlindungan, pemulihan dan pengintegrasian dengan memfokuskan kepada:

- a. Sistem penyampaian perkhidmatan di lapangan dan institusi yang diperluaskan;
- b. Kualiti perkhidmatan bagi kanak-kanak ditambah baik; dan
- c. Keselamatan dan kebajikan kanak-kanak khususnya penderaan dan pengabaian ditangani secara berkesan dan teratur.

Berdasarkan statistik JKM, bilangan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan meningkat secara drastik pada tahun **2023** iaitu sebanyak **8,041 orang (18.77%)** berbanding **6770 orang (10.19%)** pada tahun **2022** dan **6144 orang (4.88%)** pada tahun **2021**.

Sepanjang hampir setahun penubuhannya, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh JPKK melalui Pemerkasaan Perlindungan dan Pemeliharaan Kanak-Kanak antaranya:

- i. Pengukuhan peranan masyarakat dan *Community Based Organisation* (CBO)
- ii. Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak
- iii. Pembangunan Garis Panduan Keselamatan Kanak-Kanak di TASKA

Semenjak penubuhan, JPKK juga telah menerima kemasukan seramai 153 pegawai pelbagai skim dan gred secara berperingkat bagi memperkasa perkhidmatan JPKK di seluruh negara.

JKM melalui JPKK sedang dalam tindakan melaksanakan semakan semula pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308]. *Special Project Team* (SPT) telah dilantik bagi memastikan pindaan dapat dibuat secara komprehensif dan efektif dengan mengambil kira kepakaran serta pandangan daripada pihak-pihak berkaitan.

Pada majlis ini turut diadakan sesi penyampaian watakah pelantikan SPT yang terlibat dengan Pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] dan Pindaan Akta Taska 1984 [Akta 308]. Pencalonan ahli SPT ini terdiri daripada pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, ahli akademik, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pemain industri yang mempunyai pengalaman serta kepakaran dalam bidang kanak-kanak. KPWKM yakin dengan penubuhan dan pementapan operasi JPKK ini dapat memperkasakan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran kanak-kanak di negara ini.

Turut serta dalam majlis ini ialah YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Agensi.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
6 OGOS 2024**